



15 SEP, 2026

Insiden renjatan tak babit pemasangan milik TNB



Harian Metro, Malaysia

Insiden renjatan tak babit pemasangan milik TNB

Kuala Terengganu: Insiden renjatan elektrik yang mengorbankan nyawa dua wanita di sebuah kolam ikan di Air Tawar, Kuala Besut, kelmarin tidak membabitkan pemasangan (peralatan atau kemudahan) milik Tenaga Nasional Berhad (TNB).
TNB dalam satu kenyataan yang dimuat naik di Facebook (FB) memaklumkan, pihaknya amat dukacita dengan kejadian berkenaan serta menzahirkan

simpati kepada keluarga kedua-dua mangsa.
“Berdasarkan siasatan, insiden ini didapati tidak membabitkan pemasangan milik TNB.
“(Bagaimanapun) TNB akan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan selanjutnya,” katanya.

“
Insiden ini didapati tidak babitkan pemasangan milik TNB”

Dalam kejadian jam 1.40 tengah hari kelmarin, dua wanita masing-masing berusia 49 dan 27 tahun ditemukan tidak sedarkan diri di sebuah kolam ternakan ikan di Pantai Air Tawar.
Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Mohd Rozaima Ab Rahim dilapor berkata,

mangsa dikenal pasti sebagai Wan Adilah Wan Awang, 49, yang juga pemilik kolam serta Rubayyi Razak, 27, penuntut Universiti Teknologi MARA (UiTM) Jengka yang sedang menjalani latihan industri.
Pegawai perubatan yang tiba di lokasi mengesahkan kedua-dua mangsa meninggal dunia, dipercayai selepas disyaki terkena renjatan elektrik di kawasan kolam berkenaan.